

# Enam pusat penyelidikan nanoteknologi dinaik taraf

UM-20/9/2006

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

SERI KEMBANGAN 19 Sept. - Kesemua enam pusat penyelidikan nanoteknologi negara akan dinaikkan taraf menjadi pusat kecemerlangan di bawah Inisiatif Nanoteknologi Nasional yang dilancarkan malam ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pusat-pusat tersebut yang mengendalikan penyelidikan dan pembangunan di dalam bidang nanostruktural, nanokatalis, bahan nanoelektronik dan sistem penghantaran ubat-ubatan, akan menarik penyertaan saintis terbaik dari dalam dan luar negara serta rakan-rakan industri.

"Mereka akan beroperasi sebagai rangkaian pusat-pusat kecemerlangan untuk memudahkan pergerakan pakar sains dan perkongsian sumber.

"Ia akan diketuai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi mempercepatkan usaha negara meningkatkan kemampuan dan keupayaan dalam bidang nanoteknologi," katanya yang melancarkan inisiatif itu.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis perasmian Pejabat Serantau Majlis Sains Antarabangsa (ICSU) bagi Asia dan Pasifik serta inisiatif tersebut di sini malam ini.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaluddin Jarjis dan Presiden ICSU, Prof. Goverdhan Mehta.

Najib menambah, pada masa yang sama,

kerajaan turut merancang ke arah pembentukan Pusat Nanoteknologi Nasional yang akan melambangkan peranan penting nanoteknologi dalam pembangunan ekonomi negara.

Kerajaan Malaysia, kata beliau, sedar bahawa pembangunan teknologi yang baru dan terkini seperti nanoteknologi dan bioteknologi memerlukan kerjasama erat dengan rakan-rakan antarabangsa.

Oleh itu, penubuhan pejabat serantau ICSU di Kuala Lumpur, yang kedua di dunia, merupakan saluran yang penting bagi meningkatkan rangkaian antarabangnya, ujarnya.

"Saya yakin pejabat tersebut bukan sahaja akan membantu menggalakkan lebih banyak kerjasama dan perkongsian maklu-

mat antara pakar sains di rantau Asia dan Pasifik, tetapi juga memastikan jurang pemindahan teknologi antara negara-negara maju serta membangun dapat dicekikan.

"Harapan saya agar ICSU memastikan akses yang adil kepada data dan maklumat saintifik," katanya.

Najib dalam hal ini menggalakkan ICSU menggunakan susunan kerjasama bilateral dan multilateral negara seperti Jawatankuasa Sains dan Teknologi ASEAN serta Pusat Pasifik bagi Pemindahan Teknologi di dalam program serta aktiviti.

"Melalui payung ICSU, penekanan lebih penting dikenakan ke atas program penyelidikan bersama dan pertukaran para saintis yang memberi peluang kepada bakat muda di rantau ini untuk dididik," katanya.